

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, October 29, 2018 4:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Prihatin Dengan Kebajikan Staf Selaras Dengan Teras Ilmu Budi Bakti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

29 OKTOBER 2018 / 20 SAFAR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Mohd Fuad Hamid

UUM PRIHATIN DENGAN KEBAJIKAN STAF SELARAS DENGAN TERAS ILMU BUDI BAKTI



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menjadi organisasi yang bukan sahaja menjaga kebajikan staf akademik, malah secara menyeluruh termasuk staf dari peringkat bawah.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, UUM amat prihatin dan sangat menjaga kebajikan semua staf di pelbagai peringkat untuk dibantu sebaik mungkin.

Menurutnya, bagi menunjukkan usaha jitu tersebut, beliau meminta semua Penolong Naib Canselor (PNC) dan ketua jabatan untuk melihat secara menyeluruh semua staf dari

peringkat bawah sehingga ke peringkat atas yang boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

"Kita mahu bantu sebaik mungkin, justeru meminta semua PNC atau ketua jabatan untuk senaraikan staf seperti DS45 yang bekerja lebih 20 tahun tetapi tidak pernah dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

"Mungkin mereka tidak begitu menyerlah dalam bidang akademik, namun mereka telah menyumbang dalam pelbagai bentuk dan kita perlu melihat dari aspek sumbangan lain sepanjang tempoh kerjaya mereka," katanya pada Majlis Penyampaian Watikah Kenaikan Pangkat di Bilik Senat, semalam.

Tambah beliau, begitu juga staf bukan akademik supaya UUM dapat menjadi sebuah organisasi yang prihatin dan bukan hanya melihat pada satu sisi sahaja, tetapi sisi 'Ilmu Budi Bakti' yang mana bakti diberikan bukan kepada staf sahaja tetapi masyarakat.

Pada majlis itu, Profesor di Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Prof. Dr. Russayani Ismail dan Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), Prof. Dr. Razamin Ramli menerima watikah kenaikan pangkat dari Prof. Madya kepada Profesor, sekali gus menjadikan jumlah Profesor penuh di UUM adalah seramai 70 orang.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.